

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : KHAMIS, 11 JUN 2015

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi kawasan-kawasan tadahan air.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) mengambil langkah-langkah untuk melindungi kawasan-kawasan tadahan air seperti berikut :

- (i) Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Perhutanan Negara pada 1992 dan 1996 telah memutuskan supaya semua negeri mengenal pasti kawasan di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang sesuai sebagai kawasan tadahan air danewartakan kawasan tersebut sebagai Hutan Tadahan Air mengikut peruntukan subseksyen 10(1)(e), Akta Perhutanan Negara 1984. Kawasan ini dikategorikan sebagai Hutan Perlindungan di mana sebarang aktiviti pengusahaan hutan tidak dibenarkan.
- (ii) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) memantau status pewartaan kawasan Hutan Tadahan Air dalam HSK dan melaporkan status berkenaan di dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN). Sehingga 31 Disember 2014, seluas **734,731 hektar** kawasan di dalam HSK telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air.

- (iii) Satu garis Panduan dikenali sebagai **Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kawasan Hutan Tadahan Air Dalam Hutan Simpanan Kekal** telah disediakan dan diedarkan kepada semua Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia untuk dijadikan panduan dalam mengurus hutan tadahan air di negeri masing-masing.
- (iv) Membuat pemantauan secara berkala di lapangan bagi memastikan tiada pencerobohan berlaku di dalam kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.